ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU


TAHUN 33 BILANGAN 27 | RABU 6 JULAI, 1988 | 1408 S-üaJlji 22 رابو | PERCUMA


## Lawatan Yang Dipertua Negeri Melaka

**BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Jun. — Kebawah Dull Yang Maha Mulia Paduka Scri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Ncgara Brunei Darussalam berkenan mcnerima mcngadap Yang Dipertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj bin Syed Mahmud Shahabudin di Istana Nurul Iman.**

Di istiadat mengadap itu Tuan Yang Terutama disertai olch Ketua Mentcri Melaka, Yang Amat Berhormat Daluk Seri Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik; Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Yang Berhormat Datuk Mohd Zam bin Abdul Wahab; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka. Yang Berhormat Haji Mohd A!i bin Haji Abdul Majid; Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Melaka, Vang Berhormat Encik Poh All Tiam clan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Zainal Abidin bin Mokhtar.

Tuan Yang Terutama dan isteri, Toh Puan Da tin Seri Utama Sharifah Hanifah serta roinbongan tiba di negara ini pada hari Sabtu, 25 Jun lepas bagi lawatan niuhibah selama liga hari.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri serta rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas dialu-alukan olch Yang Amat Mulia Pengiran Leia Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang seterusnya memperkenalkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas dan Datin.

Sclama berada di negara ini Tuan Yang Terutama dan isteri serta rombongan telah melawat ke Muzium Brunei di Kota Batu, Pusat Dakwah Islamiah, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan dan Kampong Ayer.


Lagi **gambar-gambar di** muka **3**




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Yang Dipertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj bin Syed Mahmud Shahabudin di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.**

## BRUNEI DARUSSALAM MEIMGALU-ALUKAIM IMIAT VIETNAM:

# 50 RIBU TENTERA A KAN DITARIK DARI KAMPUCHEA

**LAPORAN MOHD. SALLEH ABD, LATIF DARI BANGKOK**

**BANGKOK, 4 Julai. — Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan niat Vietnam bagi menarik 50 ribu tentera mereka dari Kampuchea sehingga penghujung tahun ini.**

"Ketika kita mengalu-alukan niat penarikan ini, kita harus memperjclas bahawa penarikan tentera ini mestilah ada hubungan dengan penyelesaian politik yang dapat diterima terhadap masalah ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dalam sabda pembukaan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke-21 di sini.

Dalam hal ini, Brunei Darussalam mengucapkan syabas kepada Menteri Luar Republik Indonesia, Ali Alatas yang telah mengunjungi rantau ASEAN bagi merundingkan perkara ini dalam usaha persediaan untuk mesyuarat bersama informal di Jakarta nanti.

Duli Yang Teramat Mulia berkeyakinan bahawa masanya sudah tiba mesyuarat serupa itu diadakan di samping merupakan langkah pertama dari arah yang betul.

''Langkah pertama memang suatu yang paling sukar tetapi jika sudah diambil, momentum akan dapat dibina sehingga masalah Kampuchea ini disclesaikan," sabda Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Thailand telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke-21 ini yang berlangsung selama dua hari.

Mesyuarat ini telah membincang kemajuan dan kegiatan-kegiatan kerjasama ASEAN dalam semua bidang tcrmasuk politik, ekonomi dan sosial di samping menimbangkan kemajuan perlaksanaan yang telah diambil terhadap keputusan di Sidang Kemuncak ASEAN di Manila pada tahun lepas.

### PETIKAN TITAH

**£ M OLEH kerana tanggungjawab mcmpertahankan ^ negara ini adalah tanggungjawab rakyat di negara ini, maka kita ingin menyeru kepada penuntut-penuntut dan generasi muda untuk memperlengkapkan diri dengan pengetahuan di bidang teknoloji.^ ^**

*Dititahkan di Istiadat Pcngurniaan Panji-panji Pasukan **Bant** bagi Baialion Pertama dan Batalion Kedua ABDB bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar AH Saifuddien pada 31 Mei, 1988.*

### MANISNYA IMAN

**"WAHAi orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih dari kesabaran musuh di medan perjuangan) dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan), serta bertagwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)," — Maksud Surah Aii-imran ayat 200.**

## PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Puan Yang Terutama, Yang Amat Berhormat Jeanne Sauve, Gabenor Jeneral Kanada bersempena dengan Hari Rebangsaan Kanada pada 1 Julai, 1988.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama, Tuan Ronald Wilson Reagan, Prcsiden Amerika Syarikat bersempena dengan Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat pada 4 Julai, 1988.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawat


**Lihat muka 20**

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

# KE ARAH KERJASAMA EKONOMI, POLITIK YANG LEBIH MAJU

**6 JULAI, 1988**

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang**

## HUBUNGAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN SEMAKIN MENINGKAT

**SUASANA politik yang stabil adalah merupakan salah satu elemen yang terpenting dalam menarik minat pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri. Suasana sedemikian yang disertai pula dengan kekukuhan ekonomi akan memberikan keyakinan kepada para peiabur untuk menanam modal mereka di sesebuah negara itu. AlhamdulilIah, negara kita di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dapat menyedtakan iklim politik yang sangat stabil seperti apa yang kita nikmati selama ini.**

**Kestabilan yang telah sedia wujud itu adalah menjadi landasan bagi menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur, khususnya dari luar negeri, sesuai dengan dasar negara kita yang menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam perkembangan perusahaan.**

**Berdasarkan kepada kepentingan yang jitu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun 1986-1990 telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak $273 juta untuk industri dan perdagangan. Keseluruhan perbelanjaan untuk RKN Ke-S berjumlah $3,700 juta. Ini bermakna 10 peratus dari peruntukan yang besar itu dimanfaatkan untuk kemajuan perusahaan.**

**Kerajaan mempunyai matlamat jangka panjang yang jelas terhadap bidang tersebut. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduk, memajukan perusahaan-perusahaan pengganti import, mempercepatkan kemajuan sumber-sumber tenaga manusia bagi memenuhi permintaan negara dalam kea da an ekonomi yang semakin sofistikated serta mewujudkan masyarakat yang dinamik, berdisiplin dan bertanggungjawab sebagai ejen bagi kemajuan dan pembangunan. Menggalakkan dan membimbing rakyat Melayu untuk menjadi pemimpin dalam perusahaan dan perdagangan adalah juga menjadi matlamat kerajaan. Adalah juga menjadi harapan kerajaan agar sektor swasta akan dapat memainkan peranannya dengan lebih aktif untuk meneroka usahaniaga-usahaniaga baru dan juga akan lebih responsif terhadap teknologi-teknoiogi dan peluang-peluang pasaran baru.**

**Sewajarnyalah niat murni kerajaan untuk meningkatkan prestasi orang Melayu dalam bidang perusahaan dan perdagangan disambut balk khususnya oleh masyarakat Melayu sendiri. Namun begitu matlamat dan cita-cita kerajaan itu tidak akan tercapai, tanpa penglibatan rakyat secara aktif dan bersungguh-sungguh.**

**Melalui perancangan-perancangan yang disusun, kerajaan telah mengenalpasti beberapa kawasan di seluruh negara yang sesuai untuk kawasan perusahaan bagi menempatkan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha bumiputera. Kompleks Industri Ringan yang disediakan oleh kerajaan di Beribi kini telah mula beroperasi, sementara Kompleks Industri Berat pula akan menyusuli di Muara.**

**Jika ditinjau, keadaan hubungan perdagangan dua hala negara kita dengan negara-negara antarabangsa adalah tidak seimbang. Ketidakseimbangan in) adalah berpunca dari sediknya barangan eksport negara kita dan dengan matlamat kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi negara dengan memajukan sektor perusahaan dan perdagangan, keadaan ini tidak syak lagi akan berubah dan sekaligus akan member! sumbangan besar ke arah mencapai matlamat dan cltacltfl kerajaan untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada hasfl minyak dan gas.**

**Perkembangan yang agak pesat dalam perhubungan perdagangan kita dengan negara.negara antarabangsa, terutama sekali dengan negara-negara rakan kita dalam ASEAN, memberikan petanda yang balk kepada kemajuan bidang perusahaan dan perdagangan negara kita yang menjadi salah satu matlamat utama RKN Kc-5.**

**Satu lag) perkembangan baru yang kita slu-alukan ialah keputusan Masyarakat Eropah, EC untuk meningkatkan pelaburannya di negara-negara ASEAN. Penubuhan Pusat Pengurusan Pelaburan ASEAN-EC yang dlcadangkan akan ditempatkan dl Bandar Seri Begs wan adalah merupakan satu langkah besar bagi negara kita meneroka bidang perusahaan dan perdagangan antarabangsa. la ternyata merupakan satu kepercayaan bukan saja terhadap kestabilan politik dan kekukuhan ekonomi kita, malah yang lebih pentfng lagi ialah kemampuan negara kita yang kecil ini memikul satu tugas yang besar lagi mencabar. Dan dengan iklim politik negara yang menglzlnkan disertai dengan kekukuhan ekonomi sesuai dengan matlamat RKN Ke-S, kita setentunyalah amat bersedia nienyahut cabaran itu.**

Tuan Pengcrusi,

Terlebih dahulu saya menyampaikan ucapan tahniah saya kepada tuan yang memulakan tugas bagi mempengerusikan Mesyuarat Mcntcri-Menteri Luar ASEAN ke-21. Saya berkeyakinan bahawa di bawah keboleh-an tuan mempengerusikan dan panduan, mesyuarat tahunan kita di sini akan mendapat kejayaan yang besar.

Melalui tuan, saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Tuan Prem Tinsolanonda, Perdana Menteri Thailand, atas kenyataannya yang berinspirasi yang membcri panduan-panduan berguna untuk perbincangan kami tempoh dua hari akan datang.

Tuan Pengerusi,

Saya juga merasa sukacita bersama tuan dalam mengalu-alukan Tuan Farreudin Ahmad, Perwakilan Khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Duta Massambe Sarrc, Pengerusi Komiti Ad-Hoc Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea dan rombongannya ke mesyuarat ini.

Selanjutnya saya menyampaikan sambutan hangat kepada Papua New Guinea yang menjadi pemerhati khas kita.

Tuan Pengerusi,

Sejak mesyuarat kita di Singapura, ketua-ketua negara kita telah bersidang di Manila. Di sana mereka telah memperakukan program-program tindakan berhubung dengan kerjasama politik dan ekonomi.

Adalah suatu yang wajar dicatat bahawa empat daripada lima dokumen yang ditandatangani di Sidang Kemuncak di Manila adalah yang berhubung dengan kerjasama ekonomi.

Dalam bidang kerjasama ekonomi, meskipun saya insaf bahawa cara untuk menuju kejayaan itu agak perlahan dan mantap seperti yang ditckankan oleh Prcsiden Soeharto dalam ucapannya di Manila, saya rasa bahawa jika keputusan-keputusan Sidang Kemuncak itu dilaksanakan sepenuhnya, ia akan dapat mcmbantu mendorong kerjasama ekonomi ke depan yang lebih maju. Jadi kita harus mendorong rakan-rakan sejawat ekonomi kita untuk merealisasikan program-program tindakan terhadap kerjasama ekonomi.

Tuan Pengerusi,

Beralih pula kepada kerjasama politik, Sidang Kemuncak di Manila juga menghasilkan satu program tindakan, dan saya ingin menyebut tentang persoalan mengenai penyelesaian masalah Kampuchea daripadanya.

Banyak kcjadian-kejadian telah berlalu sejak Sidang Kemuncak dan ada perlukaran-pcrtukaran positif dalam sikap-sikap sebahagian daripada mereka yang terlibat dalam konflik itu.

Dari pelhagai pctunjuk yang diperolehi nampak kepada saya bahawa Vietnam telah menunjukkan sikap flexibiliti dalam kemahuan bagi menyelcsaikan masalah Kampuchea. Kita harus mengalu-alukan pengumuman Vietnam yang berniat untuk menarik 50,000 tenteranya dari Kampuchea sehingga penghujung tahun ini. Ketika kita mengalu-alukan niat penarikan ini, kita harus memperjelas bahawa penarikan tentera ini mestilah ada hubungan dengan penyelesaian politik yang dapat diterima terhadap masalah ini.

Adalah suatu yang membanggakan bahawa keadaan optimis nampaknya meresap di kalangan mereka yang terlibat. Saya mengalu-alukan kesediaan Vietnam dan Kampuchea untuk inelibatkan pihak masing-masing di dalam mesyuarat bersama informal di Jakarta.

Dalam hal ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada interlicutor Indonesia kita dan Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, yang telah tcrbang ke merata rantau ASEAN untuk berunding kepada kita semua dalam usaha perasmian bagi mesyuarat bersama informal di Jakarta.

Saya berkeyakinan bahawa masanya sudah tiba mesyuarat scrupa ini diadakan dan adalah menjadi keyakinan saya bahawa ini adalah langkah pertama dari arah yang betul. Langkah pertama memaiig suatu yang paling sukar tetapi jika sudah diambil, momentum akan dapat dibina sehingga masalah Kampuchea ini diselesaikan.

Tuan Pengcrusi,

Bagi pendapat saya, ASEAN adalah penubuhan yang efektif serta berjaya. Kewujudannya sepanjang 21 tahun telah menentukan suatu era kemantapan politik di rantau kita. Dengan demikian, ia menyumbangkan pembangunan ekonomi kepada enam negara anggotanya, kcrana sumber-sumber telah disalurkan kepada pembangunan ekonomi berbanding terhadap mengekaikan angkatan tentera yang besar untuk keperluan pertahanan.

Era keamanan dalam kemantapan politik ini wajar dikekalkan bagi mempastikan kemakmuran dan pembangunan ekonomi berterusan. Dalam hal ini adalah perlu ASEAN sebagai sebuah pertubuhan kekal, utuh dan efektif di tahun-tahun akan datang.

Untuk mempastikan keberkesanannya, kita boleh memeriksa antara perkara - pcrkara Iain, sama ada suatu pertubuhan itu diperlengkapkan bagi mengendalikan kerumitan-kerumitan dunia hari ini di mana teknologi baharu menjadi tidak dipakai lagi dalam tempoh tahun yang sedikit.



**SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam di Pembukaan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Bangkok, Thailand, 4 — 5 Julai, 1988. (Terjemahan dari teks asal Bahasa Inggeris).**

Matlamat kita jelas, cara-cara untuk mencapainya mungkin perlu ditinjau kembali. Dalam hubungan ini, Sekretariat ASEAN boleh memainkan peranan yang agak besar dalam mengendalikan penerangan, tindakan lanjutan, dan dalarn mclaksanakan keputusan-keputusan yang telah diambil olch pelbagai jawatankuasa.

Ia juga boleh bertindak sebagai pusat sumber untuk memberi kita sistem arnaran awal dalam kebanyakan perkara-perkara ekonomi agar ASEAN dapat muncul dengan tindakan bcrsesuaian. Kita harus mengarahkan para pegawai kita bagi memcrhatikan perkara ini, agar nanti Sekretariat ASEAN boleh juga berfungsi sebagai, dynamo pertubuhan ini.

Selain daripada mempastikan keberkesanannya, saya rasa bahawa kita juga harus mempastikan bahawa komitmen terhadap pertubuhan ini menyerap kesemua sektor penduduk dan generasi akan datang.

Oleh sebab pertubuhan ini begitu penting kepada keselamatan kita dan bagi mempastikan kemantapan politik di rantau kita, lebih banyak orang komited kepadanya akan tarnbah meyakinkan masa depan ASEAN dan negara anggotanya.

Seperti yang disuarakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Sidang Kemuncak di Manila berhubung dengan program-program penglibatan belia ASEAN yang patut dituhkan. Pengaiaman bekerja bersama dalam hubungan ASEAN boleh membantu mengembangkan komitmen ini kepada ASEAN.

Keutuhan ASEAN di masa depan terletak pada generasi muda. Oleh itu, untuk menyemai komitmen serupa ini kepada belia ASEAN adalah begitu penting.

Kita akan mengarah para pegawai kita untuk memikirkan perkara ini dan mereka akan mcmbuat sokongan-sokongan kepada kita bagi mesyuarat akan datang agar kita akan boleh mengambi! keputusan-keputusan yang diperlukan untuk perlaksanaan program-programnya.

Tuan Pengcrusi,

Saya berterima kasih kepada tuan dan melalui tuan kerajaan dan rakyat Thailand atas kemurahan hati yang dibcrikan kepada saya dan rombongan saya.

Saya ingin mengambi! kesempatan ini untuk bersama tuan dan rakyat Thailand dalam merayakan saat gembira Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Thailand dalam mencapai keistimewaan pemerintahan beraja yang terpanjang Dinasti Chakri pada 2 Julai, 1988.

Bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya juga menyampaikan ingatan baik baginda bagi kejayaan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ke-21 ini. Terima kasih.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika menerima mengadap Toh Puan Datin Seri Utama Sharifah Hanifah di Istana Nurul Iman. Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga berkenan menerima mengadap Toh Puan Datin Seri Utama Sharifah Hanifah di Istana Nurul Izzah di Jerudong.

# Majlis mengadap bagi isteri Yang Dipertua Negeri Melaka

**BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Jun. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap Toh Puan Datin Seri Utama Sharifah Hanifah, isteri Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj, Yang Dipertua Negeri Melaka.**

**Istiadat mengadap itu telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini. Toh Puan Datin Seri Utama Sharifah Hanifah berada di negara ini bagi mengiringi suami Toh Puan dalam lawatan muhibah selama tiga hari.**

**Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga berkenan menerima mengadap Toh Puan Datin Seri Utama Sharifah Hanifah di Istana Nurul Izzah, Jerudong pada hari yang sama.**

**Toh Puan Datin Seri Utama Sharifah Hanifah di kedua-dua istiadat mengadap itu telah diiringi sama oleh isteri TYT Pesuruhjaya Malaysia ke Negara Brunei Darussalam dan enam orang ahli rombongannya.**

# KURIKULUM SEKOLAH RENDAH AKAN DITELITI SEMULA

**Oleh Bolhassan HAB**

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Jun. — Kementerian Pelajaran melalui jabatan-jabatan tertentu di bawahnya akan meneliti semula isi kandungan dan kurikulum pelajaran terutama sekali kurikulum di peringkat sekolah-sekolah rendah bagi mempastikan ianya tidak bercanggah dengan hasrat negara dan dasar pelajaran yang ada pada masa kini.

Dalam pada itu, Kementerian Pelajaran juga sedang memikirkan tentang kemungkinan mata pelajaran sejarah diperingkat menengah diajar kepada penuntut dalam Bahasa Melayu.

Perkara ini diumumkan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat ketika merasmikan Pertandingan Koir dan Lagu-lagu Patriotik bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab peringkat negara yang berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) di sini.



TIMBALAN Menteri Pelajaran, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Menurut Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad, Kementerian PelajaTan memikirkan hal tersebut adalah berdasarkan bahawa mata pelajaran sejarah yang khusus menekankan tentang sejarah negara kita merupakan satu mata pelajaran yang berunsur nilai dan ciri-ciri positif bangsa dan negara dan oleh yang demikian amatlah penting bagi sctiap warganegara ini untuk mengetahui sejarah negara yang betul dan berkesan.

Terdahulu sebelum itu dalam ucapan perasmiannya, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad berkata, pertandingan koir dan lagu-lagu patriotik sesuai diadakan setiap tahun selaku kemuncak kegiatan luar di bidang seni suara dan cipta lagu.

"Pertandingan seperti ini nescaya boleh mendatangkan banyak manfaat kepada pel ajar-pela jar sama ada secara disedari atau sebaliknya. Jika dilihat dari sudut emosi, lagu-lagu patriotik ini seharusnya boleh menyedarkan pel ajar-pel ajar tentang berbagai aspek kenegaraan agar mereka boleh menghargai mengenai perlunya seseorang rakyat atau penduduk sesebuah negara itu cintakan negara; mempertahankan imej dan identiti; taat kepada pemerintah, kerajaan dan raja," ujar Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad.

# Sekolah Menengah SMJA juara pertandingan koir

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Jun. — Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) selaku tuan rumah muncul sebagai juara di Pertandingan Koir dan Lagu-lagu Patriotik bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab peringkat negara kali ketiga pada tahun ini.

Juara dua tahun berturut-turut, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan hanya dapat menduduki tempat kedua, manakala Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri mendapat tempat ketiga.

Sebanyak 11 buah sekolah menengah dan maktab menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh Unit Akli, Bahagian Kegiatan Luar, Jabatan Sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran dan telah berlangsung di Dewan Sekolah Menengah SMJA.

Tetamu kehormat di pertandingan tersebut ialah Timbalan Menteri Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Berangkat menyaksikan pertandingan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammad.

Pengerusi pertandingan iaitu Pengetua Sekolah Menengah SMJA, Awang Abdul Razak bin Haji Metassan dalam ucapan alu-aluannya telah menggariskan beberapa matlamat pertandingan tersebut diadakan.

Antara lain matlamatnya ialah untuk mewujudkan semangat perpaduan, kerjasama dan persefahaman di kalangan para pelajar. Di samping itu untuk mendisiplinkan dan menanamkan semangat pelajar-pelajar untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan kasih terhadap bangsa, agama, raja dan negara.




JUARA Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab peringkat negara, Sekolah Menengah SMJA menyanyikan salah sebuah lagu yang bersemangat kenegaraan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Sekolah Rendah Limau Manis** | 6-7-88 | **Rabu** | 8.30 - 9.30 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Pengkalan Batu** | 6-7-88 | **Rabu** | 9.45 — 10.45 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Masin** | 6-7-88 | **Rabu** | 11.00 - 12.00 **t/hari** |
| **Sekolah Rendah Kupang** | 6-7-88 | **Rabu** | 2.00 --3.00 **petang** |
| **Sekolah Rendah Pantai Berakas** | 7-7-88 | **Khamis** | 9.00 - 10.00 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut** | 7-7-88 | **Khamis** | 9.45 — 10.45 **pagi** |
| **Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat, Pusat Bahagia Pulaie** | 7-7-88 | **Khamis** | '9.30 - 10.30 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Jerudong** | 9-7-88 | **Sabtu** | 8.30 - 9.30 **pagi** |
| **Pusat Tahanan Jerudong** | 9-7-88 | **Sabtu** | 9.45 — 10.45 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Sengkurong** | 9-7-88 | **Sabtu** | 11.00 - 12.00 **t/hari** |
| **Sekolah Rendah Bebuloh** | 9-7-88 | **Sabtu** | 10.00 - 11.00 **pagi** |
| **Sekolah Ugama Sengkurong (Sekolah Ugama Pg. Anak. Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kg. Mulaut)** | 9-7-88 | **Sabtu** | 2.00 — 3.00 **petang** |
| **Sekolah Rendah OKSB Kilanas** | 9-7-88 | **Sabtu** | 3.15 — 4.15 **petang** |
| **Kawasan Rumah Persatuan Kg. Tanah Jambu** | 10-7-88 | **Ahad** | 9.00 — 10.00 **pagi** |
| **Kampong Perpindahan Serasa** | 10-7-88 | **Ahad** | 10.15 — 11.15 **pagi** |
| **Di hadapan Kedai Muara** | 10-7-88 | **Ahad** | 11.30 — 12.00 **t/hari** |
| **Sekolah Rendah Lumapas** | 11-7-88 | **Isnin** | 9.30 — 10.30 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Junjongan** | 11-7-88 | **Isnin** | 9.00 — 10.30 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Panchor Murai** | 11-7-88 | **Isnin** | 10.15 — 11.15 **pagi** |
| **Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)** | 11-7-88 | **Isnin** | 2.00 — 3.00 **petang** |
| **Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas** | 11-7-88 | **Isnin** | 3.30 — 4.30 **petang** |
| **Sekolah Rendah OKBI Subok** | 12-7-88 | **Selasa** | 8.30 - 9.30 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak** | 12-7-88 | **Selasa** | 10.30 - 11.30 **pagi** |
| **Sekolah Pengajian ABDB Bolkiah Garrison** | 12-7-88 | **Selasa** | 10.30 - 11.00 **pagi** |
| **Sekolah Rendah Panaga, Seria** | 12-7-88 | **Selasa** | 10.00 - 11.00 **pagi** |

# KUIMJUNGAN HORMAT

SUBOK. 29 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima kunjungan seorang wakil Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang-orang Pelarian, Tuan Yang Terutama Tuan Eric E.Morris.

Kunjungan yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri itu adalah bagi menyembahkan lantikannya bagi jawatan tersebut yang bermula pada tahun ini dan beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama, Manfred G. Van Nostitzs, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam yang menetap di Kuala Lumpur pada 30 Jun lepas.

Kedua-dua majlis tersebut berlangsung di pejabat Duli Yang Teramat Mulia di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Tuan Yang Terutama Tuan Manfred G.Van Nostizs berada di negara ini selama dua hari.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam mensabdakan sesuatu kepada Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri sejurus sebeium Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Bangkok bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke-21 yang bermula pada 4 Julai lepas.**

**Duli Yang Teramat Mulia diiringi oleh isteri Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan beberapa orang ahli rombongan.**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah semasa menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama Tuan Manfred G. Van Nostizs, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam.**

# PEIMIAGA-PEIMIAGA KITA DIALU-ALUKAIM MELABUR

**Oleh Ahat Hj. Ismail**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdul Rahim Datuk Tamby Chik mengalu-alukan peniaga-peniaga negara ini melabur di pelbagai sektor yang terdapat di sana.

Menurut Yang Amat Berhormat, Melaka mempunyai potensi yang besar di bidang pelaburan seperti perindustrian, pelancongan. dan pertanian dan para pelabur amat dialu-alukan menceburi sektor tersebut.

Bercakap demikian dalam satu perjumpaan dengan ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Negara Brunei Darussalam di Plaza Abdul Razak minggu lepas menyatakan Kerajaan Negeri juga mengutamakan projek-projek yang dijalankan secara usahasama dengan pihak swasta.

Dalam bidang perindustrian kata Yang Amat Berhormat, selain daripada menggalakkan pelabur luar negeri untuk melabur di Melaka, Kerajaan Negeri juga menyediakan kawasan bagi industri.

"Kita menggalakkan orang-orang Melaka dan Malaysia untuk mengadakan usahasama yang sesuai dengan pelabur-pelabur asing yang ingin melaburkan modal mereka dengan harapan pelaburan ini akan mendatangkan kc-uniungan yang baik," jelas Yang Amat Berhormat.

Dalam pada itu, rakyat Melaka menurut Yang Amat Berhormat lagi digalakkan melabur dengan orang-orang luar dari pelbagai negara seperti Taiwan, Australia, Jcpun. Korea dan lain-lain dan bidang yang sangat sangat di utamakan ialah yang berasaskan sumbcr-sumber alam yang terdapat di Malaysia seperti getab dan kayu.

Seterusnya Yang Amat Berhormat menjelaskan sekalipun di Melaka tidak banyak mempunyai sumber kayu namun ianya merupakan negeri yang paling banyak mempunyai sumbcr kilang kayu selain kawasan industri.



**KETUA Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdul Rahim......"Melaka mempunyai potensi yang besar di bidang pelaburan."**

Kata Yang Amat Berhormat, "Melaka merupakan tapak bagi projek-projek refiner yang terbesar dengan capacity memproses minyak sebanyak 100 ribu barrel sehari dan kita juga membuka satu kawasan industri yang dibina sendiri untuk general industries."

# PENUNTUT BERIKRAR BENTERAS PENYALAHGUIMAAIM DADAH HARAM

**Oleh Bolhassan HAB**

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Jun. — Bersempena dengan memperingati hari antarabangsa menentang penyalahgunaan dan pengcdaran dadah haram, para penuntut dari seluruh negara telah mclafazkan ikrar sebagai salah satu usaha membenteras dan menghapuskan kegiatan penyalahgunaan dadah di negara ini.

Salah sebuah sekolah menengah yang telah mengadakan upacara tersebut ialah Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di sini yang mana seramai lebih 800 orang penuntutnya sesi petang berkumpul di kawasan perkuinpulan maktab itu untuk sama-sama mclafazkan ikrar.

Upacara melafazkan ikrar tersebut telah diketuai oleh ketua penuntut, Awang Wahab bin Wahid dan disertai oleh para penuntut dari tingkatan satu hingga tiga.

Antara lain isi kandungan ikrar tersebut menyatakan bahawa setiap penuntut mempunyai tanggungjawab untuk saling membantu dalam usaha membenteras dan menghapuskan kegiatan menyalahgunakan dadah dan menghindari da;ri gejala dadah.

Usaha para penuntut dalam mencegah penyalahgunaan dadah pada masa kini akan dapat menyelamatkan generasi kita pada hari esok, demi mewujudkan satu bangsa yang bermaruah dan dihormati.



**GAMBAR atas sebahagian daripada 800 orang penuntut sesi petang Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin sedang melafazkan ikrar anti penyalahgunaan dadah sempena memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.**

# Pameran masakan dan kerjatangan wanita

KUALA BELAIT. — Pameran masakan dan hasil kerjatangan wanita sempena sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pcrtuan Negara Brunei Darussalam yang ke-42 tahun akan diadakan di daerah ini pada 7 Ogos, 1988.

Pameran itu dianjurkan oleh Jawatankuasa Teitinggi Perayaan dan akan dikelolakan bersama oleh riga persatuan wanita bergabung iaitu PKP, Pertiwi dan WI Belait.

Orang ramai yang ingin menyertai pameran tersebut bolehlah mendapatkan borang permohonan dan keterangan lanjut boleh didapati daripada mereka yang disehutkan di bawah ini:

Dayang Fatimah binti Tanji, Sekolah St. Margaret's Seria. 7000 atau E.20/No.10, Lorong 2, Seria.

Dayang Sharifah Maimunah Syed Mohammed, Seri Kandi Restaurant. KBRC, Kuala Belait.

Dayang Julia Chee, Kg. Mumong, Jalan Singa Menteri, Kuala Belait,

Dayang Hamsiah binti Haji Mohd. Hussin, Syarikat Hadza, Bangunan Kedai Bumiputera, Kuala Belait.

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 25 Julai, 1988 jam 4.00 petang.

# ADAKAIM HUBUNGAN PERKAPALAN SECARA LANGSUNG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dipertua Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Negara Brunei Darussalam. Awang Haji Hapidz berkata ketiadaan perhubungan pcrkapalan langsung di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia merupakan masalah kelembapan peningkatan perniagaan kedua negara.

Berucap dalam satu perjumpaan antara ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei Darussalam dengan serombongan pclawat dari Negeri Melaka yang diketuai oleh Ketua Menteri Melaka, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdul Rahim Datuk Tamby Chik di Plaza Abdul Razak minggu lepas menjelaskan, "Masalah tidak ada direct shipping line di antara Pclabuhan Klang dengan Pelabuhan Muara merupakan kurangnya peningkatan perniagaan."

Menurutnya hubungan perniagaan kedua negara tidak begitu memuaskan jika ditinjau dari angka-angka perniagaan yang lalu, berbanding dengan angka-angka perniagaan Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara Singapura, Jepun dan negara-negara yang mempunyai hubungan perniagaan dengan negara ini.

Beliau menerangkan import Negara Brunei Darussalam ke Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak berjumlah 70 juta ringgit Brunei dalam tahun 1985 dan kemudian meningkat sedikit pada tahun 1986 dengan jumlah 85 juta ringgit Brunei.

**Lihat muka** 10

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-440

# Wali-wali Allah dan kelebihan-kelebihan mereka menurut Quran dan hadis



YDM Pthin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abel. Aziz, Mufti Kerajaan.

### Siri terakhir

BERKATA Al-Habib 'Alwi: Ini ibarat yang sangat molek, iaitu natijah dan buah dari mahabbah dan kasihkan Allah, dan kasihkan Allah ialah buah dari berdamping dengan Allah, dan telah tersebut dalam Ihya Al-Imam Al-Ghazali sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Imam At-Tiibiyyi itu.

Hendaklah diketahui bahawa Mahabbah Allah itu diharamkan ke atas orang-orang yang tiada mengikut perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka jikalau seseorang hamba Allah menunaikan segala perkara yang wajib dan fardu, dan dia menjauhi segala larangan Allah, dan ia membanyakkan berbuat perkara-perkara yang sunat (bukan wajib), dengan tiada ada mahabbah dan kasih kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka tiadalah berguna taatnya itu dan tiadalah ia menyampai akan mahabbah dan kasih kepada Rasulullah, dia kempunan dan jauh dari menyampai akan tujuan "Hattaa uhibbahu, faizaa ahbabtu kuntu sam'ahu" hingga akhir hadis itu, dan tiada ada hubungan pada hadis itu.

Firman Allah Taala yang tafsirnya: Kata olehmu ya Rasulullah, jika kiranya kamu kasihkan Allah, maka hendaklah kamu ikut perjalanan saya (Rasulullah), nescaya Allah kasihkan kamu dan ia memberi pahala kepada kamu. (Surah 'Ali 'Imraan ayat 31).

Firman Allah Taala lagi dalam Surah At-Taubah ayat 24 yang tafsirnya: Kata olehmu ya Rasulullah, jika kiranya adalah bapa-bapa kamu, dan anak-anak laki-laki kamu. dan saudara-saudara laki-laki kamu, isteri-isteri kamu, pun kerabat kamu, dan harta benda yang telah kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu takut akan tiada laku, dan rumah-rumah kediamaan yang kamu sukakannya itu lebih kasih dan mahabbah dan cinta kamu pada perkara-perkara itu dari kasih dan mahabbah dan cinta kepada Allah dan Rasul-Nya Rasulullah, dan dari kasih berjihad dan berjuang pada jalan Allah, dengan kamu tiada berhijrah kepada Rasulullah dan tiada berperang bersamasama Rasulullah, maka hendaklah kamu tunggu sehingga Allah Taala datangkan titah perintah-Nya bagi menyiksa kamu dengan sebab kamu lebih mahabbah pada yang lain daripada Allah dan Rasul-Nya dan Allah Taala tiada akan memberi petunjuk dan hidayat dan jalan yang betul kepada orang-orang fasik itu.

Berkata Al-Imam Al-Qadhi 'Iyaadh adalah mahabbah dan kasihkan Allah dan Rasulullah itu adalah suatu syarat bagi sah iman dan ada iman seseorang itu, dan Al-Imam Al-Hafiz Ibnu Hajar adalah ia bersetuju dengan perkataan Al-Imam Al-Qadhi 'Iyaadh itu.

Berkata Al-Imam Al-Hafiz Ibnu Hajar pada mensyarahkan hadis "An yakuunallahu warasuluhu ahabba ilaihi nimmaa siwaahumaa" bahawa dhamir "humaa" itu mengisyaratkan bahawa yang mu'tabar dan yang dipakai ialah kedua-dua mahabbah itu (mahabbah Allah beserta mahabbah Rasulullah) dan bukan tiap-tiap satu mahabbah itu, bahawa satu mahabbah itu tiada dipakai apabila ia tiada ada bersama-sama dan beserta dengan mahabbah yang satu lagi itu, maka barangsiapa mendakwa dia kasihkan Allah umpamanya dengan tiada ia kasihkan Rasulullah, maka tiadalah berguna mahabbah dan kasihnya kepada Allah itu, dan menunjukkan yang demikian itu ialah firman Allah seperti yang di atas tadi, maka mengikut perjalanan Rasulullah atau kasihkan Rasulullah itu, hendaklah ada ia pada keadaan kasihkan hamba Allah kepada Allah, dan keadaan kasihkan Allah kepada hamba Allah.

Dan hadis itu menunjukkan bahawa memusuhi wali-wali Allah adalah suatu dosa besar, Allah Taala telah memberi amaran akan memerangi orang-orang yang memusuhi wali-wali Allah itu, dan Allah akan melindungi wali Allah itu dari apa yang ia mint a perlindungan dengan Allah dan itu suatu tanda dan suatu dalil bahawa benar ada keramat pada wali-wali Allah itu.

Adalah iman itu ada beberapa peringkat dan darjat sehingga sampai ke darjat yakin, jikalau diselakkan hijab atau sekatan, nescaya yakin (iman) itu tiada bertambah, bagaimana yang telah diriwayatkan daripada Amirul Mu'minin Sayidina Ali Karramallahu Wajhah telah berkata yang ertinya: Jikalau diselakkan hijab atau sekatan, nescaya tiada bertambah yakin (iman) saya itu. kcrana yakin itu telah sampai pada kemuncak yang cukup tingginya.

Adapun hadis "Man ahaana li waliyyan faqad baarazanii bilmuhaarabati" yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Abi Ad-Dunyaa dalam kitab Al-Auliyaa', telah menjadikan keberatan kepada Al-Hafiz Ibnu Rajah dan Az-Zahabi dari menerima makna hadis itu, kcrana mazhab keduanya dalam masalah sifat, dan Moqaamat Ahlil Tasauf, dan tcntangan keduanya ke atas ahli tasauf diketahui benar oleh ulama.

Adapun hadis: "Yaa ayyuhan naasus ma'uu wa'lamuu".... telah saya scbutkan halnya dalam kitab Al-Qaulul Faslu 2 jilid besar dengan suatu ibarat yang menghilangkan sangka dan ragu dalam Thiqah rawi-rawi hadis itu.

Yang di atas ini kita petik dari kata-kata Al-'Allamah Al-Habib 'Alwi Al-Haddad dalam 'Uququdul Almaas.

Adapun untuk kisah-kisah keramat dan wali-wali daripada kalangan sahabat-sahabat Radhiallahu Anhum, maka sila baca kitab seperti kitab Hayaatus Sahaabat Radhiallahu Anhum karangan Al-'Allamah Ash-Syeikh Muhammad Yusof Al-Kandahlawi Al-Hindiyyi dan kisah-kisah keramat daripada kalangan At-Taabi'ina Rahimahullahu Taala sila baca kitab Syawaahidul Haqqi dan Lataaiful Minani dan karangan-karangan Al-Imam As-Sayuti dan karangan-karangan Al-Imam Ash-Sha'rani dalam perkara wali-wali dan keramat dan karangan-karangan Al-Muhaddithu Abdullah Al-Ghumari dan lain-lain.

WALLAHUAKLAM

## KEMAJUAN WUJUD DENGAN ADANYA KEPERCAYAAN ORANG RAMAI

**Oleh Dk. FatimahPHMN**

GADONG. - Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Haji Adenan bin Pehin Datu Penglima Haji Abu Bakar berkata, kemajuan dalam bidang perniagaan hanya akan wujud jika ada kepercayaan ahli-ahli dan orang ramai se.sebuah syarikat itu.

Kepercayaan orang ramai dan ah 1 i" a hi in y a ialah kecekapan ahli jawatankuasa memberi maklumat yang cepat dan "up-to-date" mengenai kedudukan syarikat khususnya melalui kunci ktra-kira, penyata bulanan dan seumpamanya yang mencerminkan maju mundur sesebuah syarikat itu. jelasnya lagi.

Ini kcrana katanya, "up-to-date" akaun dan kunci kira-kira merupakan bahan yang diperlukan bagi memberituk idea dan pemikiran dan menentukan rancangan dan tindak-tanduk yang akan dibuat oleh pihak pengurus dengan lebih tegas dan yakin. Sebaliknya tanpa kunci kira-kira yang cepat menyebabkan pihak pengurusnya kurang yakin dan kedudukan syarikai kurang terjamin.

Katanya lagi, kepercayaan ahli-ahli syarikat akan lebih mendalam jika maklumat yang "up-to-date" mengenai syarikat disebarkan kepada mereka satu persatu dan akan menambahkan minat mereka untuk mendekatkan sokongan yang padu di samping mendekatkan diri dengan kegiatan syarikat itu. Sebaliknya mereka akan menjauhkan diri dan kurang percava jika mereka berada dalam kcgelapan mengenai hal-hal kedudukan kewangan syarikat itu.

Pemang k u Pes u ruhjaya Kemajuan Kerjasama itu berkata di majlis penyampaian sijil bagi kursus simpankira anjuran Bahagian Pendidikan dan Perkembangan, Jabatan Kemajuan Kerjasama yang diketuai oleh Awang Haji Tahir bin Haji Abdul. Wahab seorang pegawai jabatan tersebut.

Kursus yang merupakan susulan dari Kursus Ulangkaji Kepimpinan Ahli Jawatankuasa yang diadakan di Bangar. Temburong pada lahun lepas telah dlhadiri oleh 26 orang peserta.

Kursus tersebut dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama mengandungi 15 orang manakala kumpulan kedua seramai 11 orang,



PEMANGKU Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Adenan bin Pehin Datu Panglima Haji Abu Bakar ketika menyampaikan sijil bagi kursus simpan kira kepada salah seorang peserta. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai d<ıri hari Rabu 6 Julai hingga ke hari Selasa 12 Julai 1988 adalah seperti di bawah ini :-

| HARI BVLAN | ZUHUR | | ASAR | | MA GHRIB | | IS YA K | | IMSA K | SUBVH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Be r akhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | M ulai | Berakhir | |
| Julai | | | | | | | | | | | | |
| 6 | 12.27 | 3.51 | 3.52 | 6.36 | 6.37 | 7.52 | 7.53 | -1.57 | •1.43 | 4.58 | 6.12 | 6.13 |
| 7 | 12.27 | 151 | 3.52 | 6.36 | 6.37 | 7.52 | 7.53 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.12 | 6.13 |
| 8 | 12.27 | 3.51 | 3.52 | 6.36 | 6.37 | 7.52 | 7.53 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.13 | 6.14 |
| 9 | 12.28 | 3.51 | 3.52 | 6.37 | 6.38 | 7.52 | 7.53 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.13 | 6.14 |
| 10 | 12.28 | 3.51 | 3.52 | 6.37 | 6.38 | 7.52 | 7.53 | 4,58 | 4.44 | 4.59 | 6.13 | 6.14 |
| 11 | 12.28 | 3.51 | 3.52 | 6.37 | 6.38 | 7.52 | 7.53 | 4.58 | 4.44 | 4.59 | G.13 | 6.14 |
| 12 | 12.28 | 3.51 | 3.52 | 6.37 | 6.38 | 7.52 | 7.53 | 4.58 | 4.44 | 4.59 | 6.13 | 6.14 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit liap-tiap waktu.

Sembahyang Fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



DATO Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.

# AGENSI PELABURAN AMAL DASAR SEDERHANA

Oleh Abd. Karim HAB

GADONG 27 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan merangkap Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Karim rnenegaskan meskipun Agensi Pelaburan Brunei (BIA) mengamalkan dasar yang sederhana, ia juga merasakan memikul tanggungjawab dalam memperkembangkan kemahiran dan kepakaran khusus dalam menguruskan dengan efisicnnya portpolio pelaburan Negara Brunei Darussalam.

"Kami di BIA kini merasa semakin berkeyakinan dalam mengurus sebahagian portpolio yang merupakan 35 peratus dari jumlah sepenuhnya. Jumlah yang besar ini di samping sebanyak empat laporan audit tahunan dari juruaudit bebas BIA dan juga penaksir prestasi bebasnya adalah mencukupi untuk mengukur secara objektif setakat mana kebolehan dan kecekapan BIA," jelas beliau ketika berucap merasmikan Seminar Pelaburan kali kedua di Universiti Brunei Darussalam di sini.

Beliau rnenegaskan hal itu membuktikan bahawa jika peluang seikhlasnya diberi kepada anak-anak tempatan mereka juga boleh dipercayai untuk menjaga dan memberi perlindungan demi kepentingan mereka sendiri.

